

Hanya mahkamah boleh buktikan tuduhan WSJ, kata MB Kelantan
The Malaysian Insider
July 8, 2015

Setiap tuduhan yang dilemparkan mana-mana pihak perlu dibawa ke muka pengadilan bagi mengetahui kebenaran dakwaan itu, kata Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob.

Beliau berkata apa-apa perkara yang menimbulkan suasana tanda tanya dalam kalangan rakyat perlu segera dibawa ke pengadilan.

"Apa-apa yang boleh timbulkan suasana rakyat tertanya-tanya, kalau perlu bawa kepada pengadilan ... terus dibawa kepada pengadilan.

"Yang pentingnya hak dan batil, sama ada tuduhan itu betul atau tidak hendaklah dibawa kepada pengadilan. Kita rakyat menunggu satu keputusan yang adil," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sumbangan Kuih Raya Kepada Pasukan Keselamatan di Kota Darul Naim, Kota Baru, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan The Wall Street Journal (WSJ) kononnya kira-kira US\$700 juta (RM2.6 bilion) daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dimasukkan ke akaun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. – Bernama, 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hanya-mahkamah-boleh-buktikan-tuduhan-wsj-kata-mb-kelantan>